

BEBERAPA INSTRUMEN DAN TAKTIK UNTUK MENGUKUR HARGA DIRI (PART 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

3. Instrumen dan taktik untuk mengukur harga diri

Terdapat pelbagai instrumen dan taktik yang digunakan untuk mengukur harga diri. Instrumen yang digunakan adalah padat dan ringkas samada untuk orang dewasa atau kanak-kanak. Di antaranya ialah,

- 3.1 Laporan Lisan Kendiri (*Verbal self-reports*)
- 3.2 Skala Bahan Rangsangan Tunggal (*Single-stimulus rating scales*)
- 3.3 Perbezaan Semantik (*Semantic differential*)
- 3.4 Pengasingan Q (*Q sorts*)
- 3.5 Adaptasi Bukan Lisan (*Nonverbal Adaptations*)

3.1 Laporan Lisan Kendiri (*Verbal self-reports*)

Ia adalah pengukuran harga diri yang melibatkan teknik empirik (pemerhatian) yang meluas dan rasional berbentuk hujah dan bukannya cetusan idea atau hanya sekadar pendapat.

Pendekatan yang lazim digunakan ialah laporan kendiri (*self-report*) dan gambaran kendiri (*self descriptions*). Ini melibatkan suatu bentuk tugas susunan lisan yang selalunya melibatkan hal pengukuran di mana individu yang diuji akan memberikan respon terhadap bahan rangsangan untuk menggambarkan persetujuan, atau kecenderungan terhadap sesetengah atau sebahagian bahan rangsangan. Bahan rangsangan adalah suatu set penilaian lisan atau huraian dimana individu tersebut mengenalpasti kebolehan yang disedari. Individu tersebut juga akan menyatakan sama ada huraian yang diberikan menepati ciri-ciri personalitinya atau tidak. Bahan rangsangan yang diberikan sudah pun menepati piawaian dan dipersembahkan dalam bentuk standard.

Skala Harga Diri Rosenberg (*Rosenberg's Self-Esteem Scale*) adalah instrumen pengukuran berbentuk laporan kendiri (*self-report*) (Rosenberg, 1965). Ia adalah alat mengukur harga diri secara global iaitu ramalan tindakbalas tingkahlaku terhadap sesuatu situasi.

Setiap item pada skala merujuk kepada Skala Likert Empat Point (*four point Likert Scale*) dengan pemeringkatan dari sangat bersetuju kepada sangat tidak bersetuju.

CONTINUE...